

05 NOV 1996

G-15

PEMIMPIN G 15 DIJANGKA MEMBUAT KEPUTUSAN PENTING

Oleh: Kuah Guan Oo

VICTORIA FALLS (ZIMBABWE), 5 Nov (Bernama) -- Para pemimin Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) dijangka menentukan hala tuju dan peranan masa depan kumpulan itu semasa perentian di sini.

Enam ketua negara atau kerajaan dan naib presiden kumpulan itu tiba di pusat peranginan ini semalam. Mereka akan bermalam di Elephant Hill Resort sebelum meneruskan perbincangan tidak formal tanpa kehadiran pegawai masing-masing.

Sepuluh minit perjalanan berkereta dari pusat peranginan itu ialah Victoria Falls iaitu air terjun tertinggi di dunia.

Kecuali Presiden Mesir Hosni Mubarak yang berlepas pulang malam tadi selepas sidang pleno, pemimpin lain -- Perdana Menteri Algeria Ahmed Ouyahia, Perdana Menteri India Deve Gowda, Perdana Menteri Jamaica P. Patterson, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Senegal Habib Thiam dan Presiden Robert Mugabe berehat di pusat peranginan itu.

Kedua-dua naib presiden ialah Dr Carlos Ruckauf (Argentina) dan Marco Marciel (Brazil).

Para pegawai Malaysia berkata perbincangan para pemipin itu berkisar kepada soal politik membabitkan kumpulan negara membangun itu.

Keputusan lain yang dijangka dibuat ialah mengenai kemasukan anggota baru dan kekerapakan mengadakan sidang kemuncak. Pada masa ini, sidang kemuncak diadakan sebagai acara tahunan.

Pada Sabtu, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata anggota baru kumpulan itu kemungkinan ialah dari Asia Tengah dan Timur Jauh.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan negara-negara dari Asia Barat dan negara miskin di Eropah menjadi anggota.

Dr Mahathir dan pemimpin lain akan kembali ke Harare lewat hari ini bagi penutupan sidang kemuncak tiga hari itu. -- BERNAMA

KGO FAZ